

256

SOALAN NO: 92

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**  
**[INDERA MAHKOTA]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 92**

**YB Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jadual sebenar bagi pembinaan sebuah hospital baru di Kuantan seperti mana yang telah dinyatakan perancangannya di dalam Dewan Yang Mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Cadangan Pembinaan Baharu Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, Kuantan telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di bawah Butiran Kerja-Kerja Awalan. Kerja awalan ini merupakan kerja-kerja peringkat perancangan projek yang merangkumi proses penyediaan brif projek, kerja ukur tapak, penyiasatan tanah, penyediaan jadual keluasan ruang serta penyediaan anggaran kos projek bagi tujuan penyediaan dokumen pra-bida.

Pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana bagi projek ini dan buat masa ini, pihak Jabatan Kerja Raya telah selesai melaksanakan kerja ukur tapak. Bagi kerja penyiasatan tanah, penyediaan jadual keluasan ruang serta anggaran kos projek dijangka akan selesai sepenuhnya pada penghujung tahun 2017.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [ INDERA MAHKOTA ]**

**SOALAN : 93**

**Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status Pelabuhan Tanjung Gelang di Kuantan dan siapakah pemiliknya. Nyatakan hubungan antara Lembaga Pelabuhan Kuantan dengan Kuantan Port Konsortium. Apakah perancangan Kerajaan untuk memperkasakan Pelabuhan Tanjung Gelang ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelabuhan Kuantan yang terletak di Tanjung Gelang, Kuantan telah dibina pada tahun 1976 dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 1984. Bagi maksud operasi dan pengurusan Pelabuhan Kuantan, Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn) telah ditubuhkan pada 1 September 1974 di bawah Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, operasi Pelabuhan Kuantan kemudiannya telah diswastakan kepada Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. (KPC) pada 1 Januari 1998 dan mulai tarikh tersebut, LPKtn telah bertindak sebagai badan kawal selia kepada Pelabuhan Kuantan.

Dalam pada itu, bagi menggiatkan pembangunan berterusan Pelabuhan Kuantan, Kerajaan sedang membangunkan Terminal Laut Dalam (TLD) dengan pelaburan sebanyak RM3 billion yang merangkumi komponen pembangunan seperti berikut:

- i. pembinaan pemecah ombak;
- ii. pembinaan infrastruktur pelabuhan seperti dermaga dan bangunan;
- iii. kerja-kerja pengerukan alur pelayaran dan basin pelabuhan pada kedalaman 18 meter; dan
- iv. pembelian peralatan-peralatan pelabuhan.

TLD adalah dijangka dapat memberikan *spillover effect* kepada pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan pembangunan sosio ekonomi masyarakat setempat.